

### **PEMBUKAAN AKAUN BSN BAGI PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP 2019**

**Kuala Lumpur, 13 Jun 2019** – Susulan pengumuman pembukaan akaun BSN bagi pembayaran kepada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) Fasa 2, 2019, BSN ingin memperjelaskan berhubung caj RM10 dan RM12 ke atas setiap penerima BSH.

RM10 merupakan baki minima yang perlu ada di dalam akaun simpanan untuk akaun kekal aktif. Jumlah ini adalah yang terendah di kalangan bank-bank di Malaysia. Manakala RM12 hanya akan dicaj sekiranya pelanggan memerlukan Kad Debit BSN yang akan memudahkan pelanggan untuk transaksi pengeluaran pada masa akan datang. Pilihan untuk Kad Debit BSN ini terletak sepenuhnya di tangan setiap pelanggan kami.

BSN juga maklum terdapat kesesakan yang amat ketara di cawangan-cawangan ketika penerima BSH hadir untuk membuat pengeluaran berikutan musim perayaan dan cuti umum sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Bagi menangani jangkaan ini BSN telah mempermudah proses yang terlibat di samping membuka kaunter dan menempatkan kakitangan tambahan bagi memudahkan semua pihak yang membuat urusan sepanjang pembayaran BSH. Namun demikian kami memohon maaf sekiranya terdapat keadaan yang amat sesak di cawangan kami dan akan terus berusaha untuk memudahkan urusan setiap pelanggan termasuk memastikan segala urusan pelanggan diselesaikan pada hari yang sama.

Para penerima BSH boleh mengunjungi cawangan BSN berhampiran di seluruh negara atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900 untuk keterangan lanjut. Kami amat menghargai kesabaran anda dan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik.

## **Mengenai Bank Simpanan Nasional (BSN)**

Didorong oleh misi untuk menyampaikan kehidupan yang lebih baik dalam jangkauan semua rakyat Malaysia, BSN komited untuk menyediakan perkhidmatan kewangan secara menyeluruh dan komprehensif kepada semua rakyat Malaysia. BSN bertekad untuk memberi rakyat Malaysia peluang yang saksama untuk mencapai masa depan kewangan yang lebih baik dan cerah, serta menjadi gerbang laluan untuk kehidupan yang lebih baik.

Untuk merealisasikannya, BSN memanfaatkan kepakaran dan pengalaman rangkuman kewangan, disokong oleh produk dan perkhidmatan yang komprehensif disampaikan melalui pelbagai titik sentuh di semua kawasan di negara ini.

Ditubuhkan sejak 1974, BSN kini mempunyai lebih 7,000 kakitangan dan disokong oleh 392 cawangan, 45 Pusat Mikro Kewangan, 730 Mesin Teler Automatik (ATM), 398 Mesin Deposit Wang Tunai (CDM), lebih 4,700 Ejen Bank Berdaftar BSN atau EB BSN di seluruh negara. BSN mempunyai lebih 9.19 juta pelanggan di seluruh Malaysia dengan pendeposit runcit berjumlah lebih RM15 bilion.

BSN menawarkan pelbagai produk Konvensional dan Islamik termasuk produk Simpanan, Pengurusan Kewangan, Pembiayaan Perniagaan dan Peribadi serta Kad kredit.

Layari laman sesawang BSN di [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my) untuk informasi berhubung BSN dan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Arida Ariffin**

Pengurus,  
Bahagian Hal Ehwal Korporat BSN  
Tel: 03-2162 3222 sambungan 71042  
Emel: [arida\\_ariffin@bsn.com.my](mailto:arida_ariffin@bsn.com.my)

#### **Mohd Rohemy Rossian**

Tel: 03-2162 3222 sambungan 16009/ 012-3512729  
Emel: [rohemy@bsn.com.my](mailto:rohemy@bsn.com.my)  
Faks: 03-2162 6623